

Tumpat

Setiap kali musim tengkujuh, kawasan pintu air Kampung Jubakar Pantai di sini, menjadi seperti tapak peseta apabila menjadi tumpuan kaki pancing yang teruja memancing ikan patin.

Menerusi penggunaan teknik 'sebat' joran tanpa sebarang umpan, ikan patin yang mengikut arus deras keluar menerusi pintu air itu dinantikan lebih 30 kaki pancing.

Bagaimanapun banjir kali ini menyaksikan rezeki patin yang disembat tidak 'selebat' musim sebelum ini kerana dikatakan banjir yang berlaku setakat gelombang ketiga ini tidak besar.

Bagi Mohd Ali Nordin, 50, dia sudah 'berkampung' di pintu air itu sejak dua minggu lalu kerana acara sembat patin yang berlaku setahun sejak memang ditunggu-tunggu kaki pancing.

"Sepanjang musim sembat patin, kawasan pintu air ini hidup 24 jam kerana sentiasa ada pemancing tanpa mengira masa dan saya sendiri datang sekitar jam 10 pagi, manakala pulang menjelang tengah malam.

"Bagaimanapun, kali ini hasil yang diperoleh tidak banyak seperti sebelum ini kerana limpahan air sungai tidak besar sangat menyebabkan ikan patin tidak banyak dibawa arus.

"Paling besar yang berjaya ditangkap kali ini adalah seberat 11.7 kilogram (kg) dan biasanya sudah ada pembeli yang datang namun ada juga yang dimakan sendiri," ka-

Sembat patin di pintu air

tanya ketika ditemui di sini, semalam.

Mohd Ali berkata, dari segi harga jualan pula, bagi patin yang bersaiz 5kg ke bawah, pemancing akan meletakkan harga RM20 untuk sekilogram, manakala jika lebih dari itu, akan dijual RM15 sekilo.

Bagi tukang rumah dari Kampung Baru Nelayan, Zaini Yahya, 47, pula berkata, dia datang ke pintu air itu pada hari tidak bekerja sahaja dan setakat ini sudah berjaya menangkap lima ekor ikan patin.

"Paling berat yang dapat disembat adalah 3kg dan selain dijual, ada juga yang dibawa pulang untuk dimakan bersama keluarga," katanya.

Selain dipenuhi pemancing, sepanjang pintu air



ORANG ramai menyaksikan kaki pancing memancing ikan patin di kawasan pintu air Kampung Jubakar Pantai.

Kampung Jubakar Pantai itu juga dibanjiri orang ramai yang sekadar untuk memeriahkan suasana serta pembeli yang menunggu masa patin ditangkap.

Seorang pembeli, Wan Mohd Naim Wan Mat, 45, dia boleh dianggap pembeli tegar pada musim sembat patin di situ dan setiap kali pemancing berjaya menyembat patin, proses jual beli tidak menunggu lama kerana sentiasa ada yang ingin membeli.

"Semalam (kelmarin) saya sudah membeli dua ekor patin termasuk seekornya yang seberat 2.5kg dijual pada harga RM50.

"Dari segi harga tiada masalah kerana selain diperoleh secara segar, ikan patin yang ditangkap ini juga adalah patin sungai,

bukannya yang diternak menyebabkan rasanya berbeza dan lebih sedap," katanya.

“Sepanjang musim sembat patin, kawasan pintu air ini hidup”

24 jam
Mohd Ali

